

Isu timbul akibat kelewatan pelaksanaan projek

» DARI MUKA 1

(SPRM) untuk menyiasat syarikat itu.

“Isu ini sebenarnya timbul akibat kelewatan pelaksanaan projek berkenaan berikutan rentetan masalah yang dialami menyebabkan banyak program pembangunan tertangguh, tetapi ia tidak gagal,” katanya selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di Kampung Belimbing di sini.

Noh berkata, isu pertama dibangkitkan pembangkang adalah mengapa dana RM250 juta itu dibrikan kepada NFCorp sebelum perjanjian dibuat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 8 Mac 2010.

“Hakikatnya, ada dua perjanjian antara NFCorp dengan kerajaan. Pertama antara syarikat dengan Kementerian Kewangan dan kedua dengan kementerian ini. Perjanjian pertama dimeterai antara NFCorp

dengan Kementerian Kewangan pada 6 Disember 2007 berhubung pemberian pinjaman.

“Perjanjian kedua, antara syarikat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 8 Mac 2010 berhubung proses pelaksanaan projek,” katanya.

Beliau berkata, isu kedua yang diputarbelitkan pembangkang dengan menuduh kerajaan menyerahkan dana sewenang-wenangnya kepada NFCorp, sedangkan syarikat hanya menerima bayaran berdasarkan kemajuan projek dan cek pembayaran ditandatangani wakil Kementerian Kewangan dan wakil NFCorp.

“Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak ada kena mengena dengan akaun syarikat seperti dakwaan pembangkang kerana pada kementerian, bayaran hanya dibuat selepas berpuas hati dengan tahap kemajuan projek.

“Jadi terserah kepada SPRM untuk siasat akaun NFCorp andai wu-

jud sebarang salah laku syarikat terbabit kerana ia hanya membatik mereka,” katanya.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang berkata, pada penilaian kementerianya, NFCorp sudah melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) mereka kerana menyediakan lebih 8,000 ekor lembu setahun seperti termaktub dalam terma perjanjian.

“Pada 2010 mereka memiliki 8,016 lembu tetapi hanya sempat menyembelih 5,742 disebabkan ketiadaan pusat penyembelihan. Pusat penyembelihan ini sepatutnya dibina kerajaan tetapi tertangguh berikutan penilaian semula tahap daya saing projek PFN oleh perunding bebas yang dilantik pada 2009,” katanya.

Katanya, banyak faktor menyebabkan projek ini mengalami kelewatan bermula daripada proses membersihkan tanah yang berlarutan sehingga setahun lebih, syarikat utama projek PFN menarik diri dan

tidak ramai usahawan tampil untuk menternak lembu di pusat fidlot satelit yang disediakan kerajaan.

“Pembangkang turut menjaja gambar pagar roboh, tanaman rumput yang tidak menjadi dan sebagainya sedangkan ia bukan milik NFCorp tetapi kawasan yang pada asalnya milik syarikat utama dari luar negara yang menarik diri sebelum projek bermula,” katanya.

Katanya, sasaran kementerian menyediakan 130 pusat fidlot satelit juga tidak terlaksana apabila hanya 59 dapat disiapkan dan daripada jumlah itu 26 saja beroperasi, manakala 33 belum ada pengusaha.

“Sebenarnya saya sudah berulang kali menjelaskan perkara ini di Parlimen tetapi pembangkang menjadikannya sebagai gimik politik. Saya berterima kasih kepada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang yang tampil membuat kenyataan bahawa projek ini tidak gagal,” katanya.